

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]**

TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah pencegahan dalam menggunakan kanak-kanak untuk mendapatkan sumbangan orang ramai yang berselindung di sebalik nama sekolah tahfiz dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius terhadap isu eksploitasi terhadap kanak-kanak seperti pengemisan, memungut derma atau sumbangan daripada orang ramai. Mengikut Akta Kanak-Kanak 2001, aktiviti sedemikian adalah dilarang kerana ianya menjejaskan kebajikan, kesejahteraan serta keselamatan kanak-kanak. Oleh itu, mana-mana orang yang menggunakan kanak-kanak untuk tujuan tersebut jika disabitkan dengan kesalahan ini boleh denda tidak melebihi RM20,000 atau pemenjaraan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-dua sekali serta mandatori perintah khidmat masyarakat.

Bagi menangani isu ini, JKJ sentiasa memberikan kerjasama dalam menyediakan perkhidmatan yang diperlukan kepada pihak berkuasa agama negeri semasa operasi bersepadu, berjadual, *ad hoc* atau aduan dalam melindungi kanak-kanak daripada dieksploitasi. Antaranya perkhidmatan sokongan yang disediakan ialah bantuan kewangan, kaunseling, kemahiran keibubapaan, penempatan keluarga pelihara dan orang layak dan sesuai bagi kanak-kanak serta keluarga yang terdedah kepada pengemisan atau kutipan sumbangan.

Manakala langkah pencegahan bagi menangani isu ini mengikut sumber daripada JAKIM seperti berikut:

- i. Pembangunan Pelan Tindakan Menangani Isu Kutipan Derma di Kalangan Kanak-Kanak dengan kerjasama pelbagai agensi;
- ii. Pembentangan Pelan Tindakan Kutipan Derma di Kalangan Kanak-Kanak dalam Mesyuarat *Task Force* bagi Menangani Pengemisan dan Kutipan Sumbangan di JKJ;
- iii. Pengedaran Pelan Tindakan Kutipan Derma di Kalangan Kanak-Kanak untuk tindakan Jabatan Agama Islam Negeri seluruh Malaysia mulai tahun 2013;

- iv. Kerjasama JAKIM Bersama Premis Stesen Minyak dan Premis Bank bagi menyelaraskan gerak kerja dan tindakan menyelamatkan kanak-kanak daripada kuitipan derma dan sumbangan;
- v. Penguatkuasaan operasi secara bersepadu dengan kerjasama di antara agensi seperti JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri, PDRM, JKM dan PBT seperti Operasi Kanak-kanak (*Ops Kids*) dan Ops Kutip sepanjang bulan Ramadan; dan
- vi. Aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan kutipan khairat tanpa kebenaran dan yang melibatkan kanak-kanak sentiasa dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Syariah Jabatan Agama Islam Negeri setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha bagi pencegahan eksploitasi kanak-kanak bagi kutipan derma atau sumbangan bukan tanggungjawab agensi Kerajaan sahaja. Seharusnya tanggungjawab ini merupakan tanggungjawab bersama masyarakat. Oleh yang demikian, kanak-kanak, ibu bapa, pengendali tahfiz atau di pelbagai tempat yang ada hubung kait dengan kanak-kanak digalakkan melaporkan kes-kes eksploitasi kanak-kanak melalui kutipan derma atau sumbangan kepada pihak berkuasa. Aduan sedemikian boleh dibuat menerusi Talian Kasih 15999 atau Whatsapp Talian Kasih di 019-26 15999. Di samping itu, ibu bapa juga bertanggungjawab melawat anak yang dihantar ke pusat jagaan, rumah anak yatim atau pusat tahfiz secara berkala untuk mengetahui kebajikan kanak-kanak dan permasalahan mereka.